

Sidang DUN Negeri Sembilan terakhir sebelum bubar

SIDANG DUN N. SEMBILAN



SEREMBAN – Persidangan kelima penggal kelima Dewan Undangan Negeri (DUN) Negeri Sembilan Ke-14 yang berlangsung semalam merupakan persida-

ngan terakhir sebelum dibubarkan dijangka pada Jun ini.

Yang Dipertua DUN Negeri Sembilan, Datuk Zulkefly Mohamad Omar berkata, persidangan kali ini diadakan singkat iaitu sehari sahaja.

“Saya berharap ahli-ahli yang berhormat sekalian dapat memberikan perbahasan yang baik dalam persidangan terakhir hari ini (semalam).

“Saya menyeru kepada semua ahli Dewan agar mematuhi peraturan ditetapkan sepanjang per-

sidangan ini,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapan perutusan Yang Dipertua Dewan dalam Persidangan kelima penggal kelima DUN Negeri Sembilan yang ke-14 di sini semalam.

Jelas Zulkefly lagi, beliau juga berharap dapat berjumpa dengan semua Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) pada persidangan penggal depan.

“Semoga saya dapat berjumpa dengan semua pada penggal depan,” katanya.



ADUN yang menghadiri Persidangan kelima penggal kelima DUN Negeri Sembilan Ke-14 di Seremban semalam. – ZAKKINA WATI AHMAD TARMIZI